Sorotan Penting
Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Kedua Tahun 2022

Pasaran kewangan Malaysia kekal berdaya tahan meskipun volatiliti pasaran global ketara

Tekanan pasaran meningkat berikutan perkembangan sektor perbankan global baru-baru ini

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Keadaan pasaran domestik terus kekal teratur, disokong oleh beberapa faktor utama

1. Pengurusan risiko pasaran yang aktif dan strategi lindung nilai oleh institusi kewangan
2. Pasaran domestik yang pelbagai dan cair
3. Pelabur institusi domestik berdaya tahan

Institusi kewangan berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pengantaraan kewangan dan meneruskan pemulihan ekonomi

Bank-bank mengekalkan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh untuk menyokong perantaraan kewangan

- **18.8%** Nisbah Jumlah Modal *(Jun '22: 18.4%)*
- **118%** Nisbah Pendanaan Stabil Bersih *(Jun '22: 119%)*

Tahap permodalan penanggung insurans dan pengendali takaful terus kukuh, jauh melebihi had minimum pengawalseliaan

- **154%** Nisbah Perlindungan Mudah Tunai *(Jun '22: 148%)*
- **226%** Nisbah Kecukupan Modal *(Jun '22: 224%)*

Risiko kredit sektor isi rumah dan perniagaan kekal terurus, disokong oleh keadaan pasaran kerja dan aktiviti perniagaan yang bertambah baik

Isi rumah

Daya tahan kewangan isi rumah kekal utuh, disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang kukuh

Nisbah Pinjaman Tahap 2 *(Jun '22: 8.0%)*
6.7%

Hutang di bawah Bantuan Bayaran Balik Pinjaman *(Jun '22: 3.2%)*
1.9%

Nisbah Pinjaman TerJejas *(Jun '22: 1.2%)*
1.2%

Median Nisbah Khidmat Hutang Terkumpul *(Jun '22: 35%)*
37%

Perniagaan

Secara agregat, perniagaan kekal mantap dari aspek kewangan, namun sesetengah sektor menghadapi risiko pertumbuhan yang lebih perlahan daripada tekanan kos

Nisbah hutang kepada ekuiti
20.9%
Perniagaan Keseluruhan *(Jun '22: 22.0%)*

Bahagian syarikat berisiko
38.2%
Pembinaan *(Purata 2015-2019: 23.5%)*
21.6%
Perkilangan *(Purata 2015-2019: 18.1%)*

Bank-bank mempunyai penampan peruntukan yang berhemat untuk menyerap peningkatan kerugian kredit manakala pemulihan perolehan membantu mengekalkan penampan modal

- **1.7%** Nisbah Jumlah Peruntukan kepada Jumlah Pinjaman *(Jun '22: 1.8%)*
- **118.2%** Nisbah Perlindungan Kerugian Pinjaman[1] *(Jun '22: 115.3%)*
- **12.4%** Pulangan Atas Ekuiti *(Jun '22: 11.8%)*

[1] Termasuk rizab pengawalseliaan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan S&P Capital IQ

Ujian tekanan mengesahkan keupayaan institusi kewangan menghadapi kejutan buruk dan mengurangkan kesan kelembapan ekonomi

Daya tahan institusi kewangan dinilai berdasarkan dua senario bagi tempoh 3 tahun yang lebih teruk berbanding dengan Krisis Kewangan Global 2008 dan pandemik 2020

Senario Buruk 1 — Penguncupan KDNK yang ketara diikuti oleh pemulihan yang pantas

Kerugian dalam sistem perbankan dan sektor insurans sebahagian besarnya didorong oleh risiko kredit dan pasaran...

Pendorong Kerugian Utama Bawah SB2 (2023*u*-2025*u*)



Senario Buruk 2 — Penguncupan KDNK yang sederhana diikuti oleh pertumbuhan yang perlahan

...tetapi nisbah modal selepas kejutan kekal melebihi tahap pengawalseliaan minimum

Bank-bank: Nisbah Jumlah Modal Bawah SB2



Penanggung Insurans: Nisbah Kecukupan Modal Bawah SB2



Rencana: Kecerdasan Buatan dalam Sistem Kewangan Malaysia: Peluang, Risiko dan Langkah Seterusnya

Tinjauan menunjukkan banyak penyedia perkhidmatan kewangan (FSP) menggunakan AI/ML secara aktif

Dalam kalangan FSP yang ditinjau...



84% menggunakan sekurang-kurangnya satu projek AI/ML secara aktif

48% menerapkan AI/ML dalam rancangan strategik mereka

BNM terus menggalakkan penggunaan AI/ML yang bertanggungjawab oleh FSP



Rencana: Pengurusan Aliran Kepincangan dalam Pasaran Komoditi yang Mempengaruhi Aplikasi *Tawarruq* dalam Sistem Perbankan Islam

Transaksi *tawarruq* terdedah kepada kejutan bekalan dan harga yang berpunca daripada kepincangan dalam pasaran komoditi...

Ketegangan geopolitik
- *Konflik ketenteraan di Ukraine meningkatkan volatiliti harga logam dan minyak mentah*

Kekurangan tenaga kerja dalam negeri
- *Penuaian minyak sawit terjejas akibat kekurangan buruh asing disebabkan oleh penutupan sempadan*

Risiko berkaitan iklim
- *Risiko fizikal dan peralihan menjejaskan komoditi perlombongan dan komoditi berasaskan pertanian*

...walau bagaimanapun, risiko dikurangkan dengan pengurusan risiko yang mantap dan penyelesaian jangka panjang yang dirancang

Ketersediaan komoditi yang pelbagai serta beberapa bursa dan broker komoditi yang digunakan dalam transaksi *tawarruq*

Semua transaksi komoditi dijalankan secara lani dengan harga intrahari tetap, lantas melindungi bank-bank Islam daripada volatiliti harga

Usaha bersepadu untuk membangunkan kontrak Syariah alternatif selain *tawarruq*

u Unjuran

[2] Merujuk kerugian daripada risiko kredit (termasuk insurans semula dan kemungkiran bon korporat) dan risiko pengunderaitan

Sumber: Bank Negara Malaysia